



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

**RM22 JUTA DIPERUNTUKAN BAGI PROJEK JALAN  
MASUK KE SRK PRANGKAAN - SK BUGUH - SRK  
BERUAN DI SERIAN, WILAYAH SARAWAK**

KPLB.100-2/1/6 JLD.3 (10)

Serian, 6 Ogos – Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan sejumlah RM221.45 juta pada tahun 2022 bagi meningkatkan dan membina rangkaian jalan luar bandar di Sarawak.

Manakala sejumlah RM128 juta pula diperuntukkan bagi projek jalan perhubungan desa dan jalan ladang pertanian di Wilayah Sarawak.

Ketua Setiausaha, Datuk Ramlan Harun berkata, menerusi peruntukan yang diperolehi pada tahun 2022 Rancangan Malaysia ke-12 ini membolehkan KPLB terus mempergiatkan kemudahan perhubungan jalan luar bandar di seluruh Sarawak.

"KPLB telah memperuntukkan sejumlah RM22 juta bagi pembinaan Projek Jalan Masuk Ke SRK Prangkaan – SRK Buguh – SRK Beruan dengan skop projek membina jalan sepanjang 8 kilometer dengan lebar jalan berturap 5 meter.

Projek ini telah bermula pada 13 Januari 2022 dan dijangka siap pada 12 Januari 2024 dengan jangkaan siap dalam tempoh 24 bulan.

"Projek ini akan memberi manfaat kepada 2,400 penduduk di kawasan tersebut terutamanya kepada pelajar dan guru di SK Philip Beguh.

Ramlan menambah, projek ini dapat menjimatkan masa perjalanan daripada 2 jam kepada 45 minit untuk pergi ke bandar berdekatan.

Pada masa kini penduduk kawasan tersebut masih lagi bergantung kepada pengangkutan sungai untuk ke bandar berdekatan."

Ramlan berkata demikian semasa Lawatan Kerja Projek Prasarana Luar Bandar di daerah Serian di sini hari ini.

KPLB berharap dengan pembinaan dan kerja-kerja menaik taraf ini juga membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang di kawasan luar bandar selaras Aspirasi Kampung Sejahtera dan Dasar Pembangunan Luar Bandar.

Beliau menambah, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Wilayah Sarawak dalam memastikan peruntukan yang disalur dapat membolehkan projek-projek dilaksanakan dengan segera bagi memenuhi keperluan infrastruktur luar bandar.

**-Tamat -**

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

**YBHG. DATUK RAMLAN HARUN**

**KETUA SETIAUSAHA KPLB**

**6 OGOS 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



kplb\_gov



kplb\_gov



KPLB\_GOV Official